

# Kesedaran kepentingan daftar IP masih kurang

➔ Banyak syarikat PKS bersikap ambil mudah, enggan keluar duit

Oleh Haika Khazi  
miaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**erbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menganggap tahap kesedaran mengenai kepentingan mendaftar harta intelek (IP) membabitkan rakyat dan syarikat di Malaysia masih rendah.

Ia termasuk mendaftar cap dagangan, paten dan reka bentuk industri yang turut membabitkan syarikat perusahan kecil dan sederhana (PKS) jika dibandingkan di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

Ketua Pengarah MyIPO, Datuk Mohd Roslan Mahayudin, memberitahu *BH*, berdasarkan statistik pihaknya, peningkatan kadar pen-

daftar cap dagangan, paten dan reka bentuk industri dalam kalangan rakyat dan syarikat PKS tempatan iaitu sekitar 1.7 peratus dalam tempoh 10 tahun lalu dianggap masih rendah.

Katanya, pada 2008, sebanyak 31,572 item harta intelek yang didaftarkan dan hanya meningkat kepada 40,428 pada 2018.

Kadar pendaftaran IP dari syarikat luar negara pula menurun 0.4 peratus pada 2018, manakala IP tempatan meningkat 5.6 peratus daripada 13,950 (2017) kepada 14,736 pada 2018.

Bagaimanapun, beliau berkata kadar kesedaran mengenai pendaftaran cap dagangan dalam kalangan syarikat PKS di Malaysia untuk mendaftar produk reka bentuk menunjukkan peningkatan, iaitu dari 14,956 IP (2008) kepada 21,639 IP pada tahun lalu.

**Sukar mahu bukti**

"Namun, masih banyak syarikat PKS belum mendaftar IP mereka, terutama cap dagangan atau jenama, paten atau reka bentuk industri produk yang dikeluarkan syarikat masing-masing kerana pelbagai faktor; termasuk sikap ter-lalu mengambil mudah dan enggan membelanjakan wang.



**Roslan menunjukkan senarai nama persatuan yang tidak mendaftar di Ibu Pejabat MyIPO, Bangsar, baru-baru ini.**

"Kebanyakan PKS Bumiputera hanya mula sedar mengenai kepentingan mendaftar IP apabila timbul isu berbangkit seperti ada syarikat atau pihak lain yang meniru dan mendaftar logo, paten dan reka bentuk industri biarpun mereka adalah pengasas atau pencipta asal rekaian tudung, pakaian atau kuih muih yang popular di pasaran.

"Misalnya logo The Red Warriors pada jersi bola sepak Kelantan tidak didaftarkan sebagai IP, maka sukatalah mahu membuktikan dan membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) atau membuat tuntutan di Mahkamah Harta Intelek untuk memohon ganti rugi, pampasan dan sebagainya jika ia diciptak," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Roslan berkata kos pendaftaran IP tidak mahal misalnya bayaran pendaftaran cap dagangan adalah



**Kebanyakan PKS Bumiputera hanya mula sedar mengenai kepentingan mendaftar IP apabila timbul isu berbangkit seperti ada syarikat atau pihak lain yang meniru dan mendaftar logo, paten dan reka bentuk industri"**

**Mohd Roslan Mahayudin,**  
Ketua Pengarah MyIPO

RM1,020 atau 28 sen sehari untuk tempoh perlindungan selama 10 tahun.

Beliau berkata, bagi pendaftaran paten pula kos yang perlu dibayar syarikat ialah RM1,390 untuk perlindungan selama 20 tahun, manakala pembaharuan utiliti RM1,240 untuk perlindungan selama 20 tahun (10+5+5 tahun).

Reka bentuk perindustrian bawaran dikenakan ialah RM500 untuk perlindungan maksimum sehingga 25 tahun, selain petunjuk Geografi RM700 untuk perlindungan selama 10 tahun.

Beliau berkata, biasanya proses pendaftaran cap dagangan akan mengambil masa antara enam hingga lapan bulan untuk diluluskan, paten (dua hingga enam tahun) bagi membolehkan proses undang-undang dan protokol ditandatangani Malaysia di peringkat antarabangsa termasuk diterbitkan dalam jurnal khas, proses bantahan dan keluasan.